

AVO LIQUID GEL

Choline Salicylate, Benzalkonium Chloride Solution, Lidocaine Hydrochloride
(8.7% w/w, 0.01% w/w, 2% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Avo Liquid Gel
2. Bagaimana Avo Liquid Gel berfungsi
3. Sebelum mengambil Avo Liquid Gel
4. Cara menggunakan Avo Liquid Gel
5. Semasa menggunakan Avo Liquid Gel
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Avo Liquid Gel
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Avo Liquid Gel

Avo Liquid Gel digunakan untuk sementara melegakan kesakitan ulser mulut dan kerengsaan gigi palsu.

Bagaimana Avo Liquid Gel berfungsi

Choline salicylate bertindak sebagai anti-radang dan analgesik apabila ia disapu untuk melegakan kesakitan dan keradangan. Benzalkonium chloride mencegah jangkitan & Lidocaine berfungsi sebagai anestetik tempatan dan melegakan gatal-gatal, kepedihan dan kesakitan ulser dengan mengebaskan kawasan itu untuk sementara.

Sebelum menggunakan Avo Liquid Gel

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan gel jika anda -alah / sensitif kepada mana-mana bahan kandungan.

-Mempunyai ulser perut aktif.

-Mempunyai jangkitan virus seperti herpes dan influenza pada masa kanak-kanak.

-Mempunyai asma

Jika anda hamil, ingin mengandung atau fikir anda mungkin mengandung, sila dapatkan nasihat doktor sebelum anda mengambil Avo Liquid Gel kerana Avo Liquid Gel boleh memanjangkan pendarahan.

Jika anda sedang menyusukan anak, sila bertanya kepada doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum mengambil sebarang ubat.

Tidak disyorkan bagi kanak-kanak berumur di bawah 4 bulan.

- Sebelum menggunakan Avo Liquid Gel

Ubat tidak selalunya sesuai untuk semua orang. Doktor anda perlu tahu sebelum anda menggunakan Avo Liquid Gel jika anda mengalami atau pernah mengalami mana-mana alergi / sensitiviti pada masa lalu.

Penggunaan yang berpanjangan tanpa pengawasan perubatan adalah berbahaya.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Salicylate boleh meningkatkan kesan ubat cair darah (anticoagulants) dan mengurangkan kesan ubat-ubatan untuk merawat gout (Uricosurics).

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Avo Liquid Gel

- Berapa banyak harus digunakan

Ambil Avo Liquid Gel dalam kuantiti yang sedikit dengan hujung jari yang bersih dan kering, atau guna putik kapas dan sapu pada kawasan yang terjejas dengan lembut. Penggunaan sekali sepatutnya mencukupi atau guna seperti yang diarahkan oleh doktor.

Jangan melebihi dos yang disyorkan.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

Boleh gunakan sehingga empat kali sehari.

- Berapa lama perlu digunakan

Sapukan gel dengan kerap sehingga ulser mulut telah hilang sepenuhnya.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

AVO LIQUID GEL

Choline Salicylate, Benzalkonium Chloride Solution, Lidocaine Hydrochloride
(8.7% w/w, 0.01% w/w, 2% w/w)

- Jika mengambil
berlebihan (terlebih dos)

Keracunan salicylate mungkin berlaku jika melebihi dos yang dinyatakan.

Jika anda atau sesiapa terambil dos berlebihan, sila hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

**Semasa menggunakan
Avo Liquid Gel**

- Perkara yang perlu
dilakukan

Sentiasa gunakan Avo Liquid Gel seperti yang doktor anda telah memberitahu anda. Anda perlu menyemak dengan doktor atau ahli farmasi jika anda tidak pasti. Basuh tangan sebelum dan selepas menggunakan.

Sentiasa menggantikan penutupnya dengan ketat selepas penggunaan.

- Perkara yang tidak boleh
dilakukan

Jangan sapu gel cecair secara berlebihan.

Jangan telan.

Jangan memberi Avo Liquid Gel kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi
perhatian

Jangan terkena pada mata. Dalam kes tersentuh, basuh mata dengan air serta-merta, terus bilas selama beberapa

minit, pegang kelopak supaya terbuka dan elakkan bilasan cecair daripada terkena ke dalam mata lain. Dapatkan nasihat doktor jika kerengsaan berterusan.

Kesan-kesan sampingan

Penggunaan yang berlebihan atau lekatan di bawah gigi palsu yang merengsakan mukosa dan ini boleh menyebabkan ulser.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public* → *Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFD*).

**Cara penyimpanan dan
pelupusan Avo Liquid Gel**

- Penyimpanan

Simpan di bawah 25°C. Lindungi daripada cahaya. Jauhkan dari jangkauan kanak-kanak. Tarikh luput Avo Gel Cecair dicetak pada kotak dan botol. Jangan menggunakannya selepas tarikh luput.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Avo Liquid Gel berwarna putih hingga coklat muda dengan rasa yang

menyenangkan dibungkus dalam botol 15g.

- Bahan-bahan kandungan

-Bahan aktif: Choline Salicylate Solution, Benzalkonium Chloride Solution, Lidocaine Hydrochloride

-Bahan tidak aktif: Propylene glycol, Sodium Carboxy Methyl Cellulose, Sodium Methyl Paraben, Sodium Propyl Paraben, Menthol, Anethol, Bitter Mask Flavour, Glycerol

- Nombor MAL:

MAL20122245AZ

Pengilang

Group Pharmaceuticals Limited, Plot No. 41, Nasigere Village Kasaba Hobli, KIADB Industrial Area, Malur-563 130, India.

**Pemegang Pendaftaran
Produk**

Apex Pharmacy Marketing Sdn Bhd
No. 2, Jalan SS13/5, 47500 Subang Jaya, Selangor.

Tarikh kemaskini RiMUP
7/3/2017

Nombor Siri

BPFK(R4/1)070317/00015